

17/10/1997

RSC-AP wujud tabung amanah

Rosmin Darus

MESYUARAT Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia Pasifik (RSC-AP) yang berakhir semalam sebulat suara bersetuju mewujudkan Tabung Amanah Pusingan Persendirian yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan mesyuarat itu, Isnin lalu.

Pengerusinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata persetujuan itu adalah agenda pertama daripada lima resolusi yang dipersetujui anggota mesyuarat yang bersidang selama empat hari, berakhir semalam.

Katanya, negara anggota juga digalakkan menubuhkan tabung amanah masing-masing berdasarkan kepada semangat, maruah dan kemampuan sendiri. Bagaimanapun, tiada tempoh tertentu ditetapkan untuk penubuhannya.

"Anggota RSC-AP datang daripada pelbagai tahap pembangunan negara, jadi adalah lebih adil jika semua negara anggota diberi kebebasan tempoh mewujudkan tabung amanah berkenaan.

"Bagaimanapun, jika mereka boleh mewujudkannya dalam tempoh tiga tahun, terpulang," katanya dalam sidang akhbar yang turut disertai oleh wanita pertama India, Usha Narayanan; Mairan Akaeva (Kyrgyzstan), Shurentsetseg Erenjavyn (Mongolia) dan bekas wanita pertama Vietnam, Vo Thi Le.

Lain yang hadir ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail serta utusan khas dari China, Fu Zhou Hua, Dr Nina Kayupova (Kazakhstan), Raashida Yoosuf (Republik Maldives), Lina Laigo (Filipina), Eseta Fusitua (Tonga) dan Prof Dr Auatovna Rano Ubaidullaeva (Uzbekistan).

Dr Mahathir di majlis perasmian itu mencadangkan pentingnya negara Asia Pasifik mengambil inisiatif mulai sekarang untuk menggerakkan sumber kewangan dalaman sendiri tanpa terlalu bergantung kepada institusi antarabangsa untuk menghapuskan kemiskinan di negara masing-masing.

Menurutnya, tindakan mewujudkan tabung sendiri terutamanya institusi kewangan mikro yang berfokuskan kemiskinan, harus menjadi langkah pertama ke arah sikap berdikari dan menjaga maruah negara anggota.

Dr Siti Hasmah berkata kalau diberi peluang, Malaysia suka dapat mewujudkan tabung amanah itu, tahun depan. Bagaimanapun banyak perkara yang perlu dilakukan termasuk mewujudkan satu jawatankuasa menyediakan kertas kerja untuk dikemukakan kepada Kabinet dan kerajaan bagi kelulusan.

Katanya, resolusi kedua yang dipersetujui ialah memajukan institusi kewangan mikro yang berfokuskan kemiskinan.

Sehubungan itu, mesyuarat meminta mengikis semua sempadan yang menghalang wanita miskin daripada menerima pinjaman serta entiti perundangan institusi perundangan mikro untuk meningkatkan simpanan domestik.

Beliau juga berkata berpegang kepada matlamat untuk mengeluarkan 70 juta wanita daripada kemiskinan mutlak menjelang 2005, anggota mesyuarat juga bersetuju menasihati pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menggerakkan aktiviti kewangan mikro melalui peruntukan bersesuaian.

Resolusi lain ialah dalam usaha membangunkan wanita miskin luar bandar, mesyuarat juga menyambut baik cadangan menyediakan bantuan teknikal, pemindahan pengetahuan dan skil, pertukaran idea, mencapai kata sepakat serta rangkaian kerja yang komited di antara semua negara anggota.

Dr Siti Hasmah juga berkata mesyuarat turut meminta komitmen politik untuk menyepadukan wanita ke dalam semua aktiviti utama negara dan jawatan pembuat keputusan.

Jawatankuasa RSC-AP ditubuhkan pada 5 September 1995 sempena Persidangan Wanita Sedunia Keempat, di Beijing dengan matlamat membantu wanita miskin luar bandar keluar daripada belenggu kemiskinan melalui program seperti kewangan mikro dilaksanakan di negara masing-masing.

(END)